

# UPM hasil GrafinTok lindungi enjin

Teknologi grafin tingkat kecekapan, jimat kos penyelenggaraan

Oleh Ercy Gracella Ajos  
bhnews@bh.com.my

**Serdang:** Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM) berjaya menghasilkan teknologi grafin untuk minyak enjin dengan keupayaan memberi perlindungan menyeluruh pada ombok kenderaan yang menggunakannya, secara melindungi permukaan logam dan mengurangkan pergeseran.

Inovasi yang diberi nama Graf

inTok itu bukan hanya memberi kebaikan dari segi penjimatan kos dan bahan api, malah didakwa berfungsi juga sebagai minyak pelincir aditif yang memanjangkan hayat minyak enjin dan menyejukkan enjin kenderaan.

Ia juga berupaya meningkatkan kecekapan dan kuasa enjin, menghidupkan semula enjin lembap, mengurangkan pelepasan hidrokarbon (HC), karbon monoksida (CO) dan nitrogen monoksida (NO) serta mengurangkan bunyi dan getaran untuk pemanduan yang lebih lancar dan senyap seterusnya menyumbangkan kepada penjimatan penggunaan minyak.

Ketua Penyelidik Jabatan Kimia, Fakulti Sains UPM, Prof Dr Janet Lim Hong Ngee, berkata inovasi itu direka khusus untuk menangani isu pergeseran yang tinggi pada permukaan logam (ombok), sekali gus menjadikannya sebagai minyak enjin aditif yang berbaloi



Janet menunjukkan produk GrafinTok pada sidang media Putra Cipta-Inovasi Graf

inTok, semalam. (Foto Saifullizan Tamadi/BH)

dari segi perlindungan enjin.

Beliau berkata, keupayaan GrafinTok melindungi permukaan antara besi berjaya mengurangkan pergeseran seterusnya meningkatkan kuasa enjin kereta.

## Diguna semua jenis kenderaan

Katanya, GrafinTok sesuai digunakan untuk semua jenis kereta di mana pengguna hanya perlu mencampurkannya ke dalam minyak enjin.

“Bagi kereta dengan kapasiti minyak enjin 5 liter ke bawah, hanya satu botol GrafinTok yang mengandungi 120 mililiter (ml) perlu dicampurkan ke dalam minyak enjin, manakala kereta dengan kapasiti 5 liter ke atas pula memerlukan

dua botol.

“GrafinTok juga produk yang mesra pengguna kerana dikendalikan secara ‘Do It Yourself atau DIY,’” katanya pada sidang media Putra Cipta-Inovasi GrafinTok, di sini semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPM, Prof Dr Zamberi Sekawi; Pengarah, Putra Science Park UPM, Prof Ir Dr Kamarul Arifin Ahmad; Timbalan Dekan, Pembangunan Dan Jaringan Fakulti Sains, Prof Madya Dr Muskhazli Mustafa serta Timbalan Pengarah, Bahagian Promosi dan Pengkomersilan Inovasi, Putra Science Park UPM, Prof Madya Dr Wan Nurhayati Wan Ab Rahman.